

26 AUG 1996

LEADER CEBURI PEMBUATAN TIUB TEMBAGA DI CHINA

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Leader Universal Holdings Bhd (Leader), melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Leader Universal (Hong Kong) Company Limited, telah bergabung dengan Shanghai Non-Ferrous Metals General Company untuk membuat tiub tembaga di China.

Usaha sama itu dengan jangkaan pelaburan sekitar RM74.7 juta akan dilengkapi dengan teknologi moden dan berupaya mengeluarkan 8,000 tan tiub tembaga setahun, demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Leader Universal (Hong Kong) akan memegang 55 peratus ekuiti dalam usaha sama itu manakala Shanghai Non-Ferrous Metals akan memegang 45 peratus ekuiti.

Perjanjian usaha sama itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Li Peng yang telah ditandatangani di "Perkongsian China-Malaysia:Dialog Beijing" yang diadakan di Beijing.

Pejabat usaha sama itu akan ditempatkan di Zon Pembangunan Shanghai Pudong dan kilang pembuatannya di daerah Baosheng Wusong.

Dengan pembangunan yang pesat dan taraf kehidupan yang kian meningkat di China, adalah dijangkakan permintaan bagi barangan elektronik pengguna akan meningkat, katanya.

Arah aliran itu adalah baik bagi pertumbuhan pasaran tiub tembaga dengan tahap penggunaan dijangkakan mencapai 350,000 tan menjelang tahun 1997. -- BERNAMA

AA RIF MA